



DR Musa (dua dari kanan) dan Dr Mohamed Asin (kanan) melawat pelajar di hospital, semalam.

Lima pelajar nahas bas dibenar pulang

Seremban: Lima pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang cedera akibat kemalangan bas di Jalan Sungai Tua, Ulu Yam, berhampiran Empangan Batu kelmarin, dibenarkan keluar dari Hospital Kuala Lumpur (HKL), semalam.

Pegawai Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd Zaini Othman berkata, kelima-lima pelajar terbabit kini stabil manakala lima lagi masih dirawat di Hospital Selayang.

Beliau berkata, pihak pengurusan USIM sedang me-

nyalurkan bantuan terhadap mangsa, termasuk menguruskan tuntutan insurans.

Menurutnya, dalam kejadian jam 6.30 petang itu, bas yang membawa 24 pelajarnya dari Kem Eco Ulu, Selayang dalam perjalanan pulang ke kolej di Nilai, terbabas selepas brek gagal berfungsi.

Beliau berkata, Naib Canselor USIM Datuk Dr Musa Ahmad dan timbalannya Datuk Dr Mohamed Asin Dollah turut melawat mangsa, semalam.